



**DELEUM**

# **POLISI ALAM SEKITAR**

Deleum Berhad (“Deleum”) dan/atau anak syarikatnya (“Kumpulan Deleum”) komited melindungi alam sekitar secara mampan, meminimumkan potensi kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Deleum akan sentiasa mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkaitan dengan operasi kami.

Deleum juga akan berusaha untuk:

1. Mengenal pasti risiko, peluang serta aspek dan impak alam sekitar yang signifikan, khususnya di mana wujud bahaya kepada kesihatan dan keselamatan, serta melaksanakan sistem kawalan yang efektif bagi mengelakkan sebarang kejadian yang melibatkan pencemaran kepada alam sekitar.
2. Mematuhi undang-undang yang mengawal selia kerja – kerja, serta memenuhi piawaian tertinggi yang ditetapkan sebagai amalan terbaik dalam industri.
3. Mengekalkan hubungan dengan rakan industri, badan pengawalseliaan, dan pihak berkepentingan bagi memahami keperluan dan kepatuhan.
4. Menggalakkan penggunaan sumber secara cekap di semua premis, termasuk meminimumkan penggunaan bahan berbahaya, memastikan pengendalian sisa secara selamat melalui program pengurusan sisa yang berkesan, serta mengurangkan pelepasan untuk melindungi alam sekitar.
5. Memberikan kesedaran dan pendidikan alam sekitar dengan fokus kepada isu perubahan iklim kepada pekerja, kontraktor, subkontraktor serta pekerja mereka, termasuk pihak ketiga untuk bekerja dengan rasa bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
6. Meningkatkan prestasi alam sekitar dengan pemantauan dan audit terhadap amalan dan dasar polisi secara berkala.
7. Melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap penilaian materialiti dengan mengambil kira isu alam sekitar semasa dan masa hadapan.

DELEUM mewajibkan semua pihak tersebut yang berada dalam premisnya untuk mematuhi polisi ini pada setiap masa.

**RAMANRAO BIN ABDULLAH**  
GROUP CHIEF EXECUTIVE OFFICER  
17 MARCH 2026